



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Faktor sikap punca mudah ditipu

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 6 October 2018

Language: Malay

Section: X-Klusif

Page: 22

FAKTOR SIKAP PUNCA MUDAH DITIPU

*Terburu-buru, panik,
takut, gemar berahsia
jadi punca*

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof mendedahkan, sikap mangsa suka berahsia antara faktor mudah menjadi mangsa sindiket penipuan termasuk Macau Scam.

Menurutnya, pada masa sama, sikap terburu-buru dan mudah percaya kepada pihak tidak dikenali juga mendedahkan mereka kepada risiko ditipu.

"Berdasarkan kes-kes yang dilaporkan sebelum ini, mangsa mengakui mereka tidak berkongsi atau merujuk kepada pihak lain termasuk dalam kalangan ahli keluarga apabila menerima panggilan atau menerima pesanan daripada sindiket.

"Sebaliknya, mereka tanpa usul periksa mengikut arahan sindiket atas beberapa alasan termasuk panik, takut dan bimbang bila nama dikaitkan dengan tunggakan hutang pinjaman bank; terlibat dengan kes jenayah dan sebagainya.

"Kesudahannya, bila sudah 'terlanjur' dengan umpan sindiket ini, mereka akhirnya berputih mata apabila menyedari

wang lesap," katanya.

Beliau berkata, sepatutnya, bila menerima panggilan atau pesanan mencurigakan, rujuklah pihak berkaitan sama ada bank, polis dan setidaknya tanya pendapat ahli keluarga, rakan atau individu yang boleh dipercayai.

"Pada masa yang sama, saya ingatkan kepada orang ramai supaya tidak sesekali berurusan dengan pihak yang menawarkan pinjaman mudah yang ditawarkan di media-media sosial.

"Dalam beberapa kes yang dilaporkan, ada peminjam hanya meminjam RM10,000 namun secara tidak sedar mereka membuat bayaran wang proses jauh lebih tinggi dari jumlah itu," katanya.

Menurutnya, sindiket sebenarnya bijak menabur umpan. Bila peminjam berhasrat untuk meminjam dalam jumlah tertentu mereka disyaratkan membayar sejumlah wang untuk proses dan sebagainya.

"Sindiket sebenarnya melihat juga kepada kemampuan mangsa dan sejauh mana mereka terdesak untuk mendapatkan

pinjaman tersebut.

"Jadi bila mangsa melunaskan segala bayaran yang dikenakan, sindiket akan menawarkan jumlah pinjaman yang lebih besar kononnya mangsa layak dan boleh diluluskan namun diluluskan bayaran tambahan juga akan dikenakan," katanya.

Beliau berkata, bila mangsa setuju dan membayar wang yang diminta, sindiket akan menghilangkan diri.

"Sudahnya bukan sahaja yang yang dipinjam tidak dapat sebaliknya mereka kerugian jauh lebih besar dari jumlah yang hendak dipinjam," katanya.

Menurutnya, aspek kesedaran terhadap penipuan ini masih agak rendah dalam kalangan masyarakat apabila ramai yang masih tertipu.

"Dalam tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, kita mengadakan 259 program pencegahan di seluruh negeri termasuk pameran, dialog bersama masyarakat, ceramah, program bertemu pelanggan, kempen pencegahan dan sebagainya," katanya.



Golongan terdesak antara yang menjadi mangsa penipuan terutama tawaran pinjaman mudah.

TAHUKAH ANDA?

Sindiket Macau Scam menggunakan teknik 'spoofing' iaitu berkomunikasi menggunakan platform Voice Over Internet Protocol (VoIP) bagi membolehkan pemanggil meletakkan sebarang nombor telefon untuk memperdaya penerima bahawa pemanggil adalah dari nombor yang tertera di skrin.